

♥07/06/12-26MST

R GB 07-06 00158.BA567

AAB

Mahathir - Komanwel

SUBANG, 7 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Mesyuarat Kumpulan Penilaian Peringkat Tinggi Komanwel yang telah dua kali ditangguhkan, akan diadakan sehari sebelum persidangan kemuncak Komanwel di Harare, Oktober ini.

Perdana Menteri, yang dijadualkan mempengerusikan mesyuarat kumpulan itu di London pada 11 dan 12 Jun, berkata sehubungan dengan itu, laporan mengenai arah masa depan Komanwel yang telah disediakan oleh para pegawai kanan akan dikaji pada mesyuarat di Harare.

Sekretariat Komanwel di London mengumumkan kelmarin bahawa mesyuarat Kumpulan Penilaian itu ditangguhkan kerana beberapa orang ketua negara tidak dapat hadir.

Persidangan Kemuncak Komanwel dijadual diadakan di Harare, Zimbabwe dari 16 hingga 22 Oktober.

+Ia (penundaan tarikh mesyuarat kumpulan penilaian itu) tidak menjadi masalah kerana pihak pegawai telah merancang pembaharuan yang diperlukan dan kita akan mengkaji laporan daripada pegawai ini sehari sebelum persidangan di Harare,+ katanya kepada pemberita, di sini hari ini. -- Lagi

♥07/06/12-34MST

Berikut ialah berita penuh dengan fakta tambahan dalam perenggan kedua:

Mahathir - Komanwel 2 Subang

+Oleh kerana India tidak ada Perdana Menteri dan Australia serta Kanada tidak dapat hadir, maka mesyuarat itu tidak dapat mencapai matlamatnya,+ katanya ketika diminta mengulas mengenai penangguhan tarikh mesyuarat Kumpulan Penilaian itu.

Mesyuarat Kumpulan Penilaian itu, yang pada mulanya dijadualkan pada awal tahun ini, telah ditangguhkan akibat Perang Teluk.

Ketika diminta mengulas sokongan China kepada cadangan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sokongan itu disambut baik.

Perdana Menteri berkata, tidak kenalah jika sesuatu kumpulan Asia Timur seperti EAEG tidak disertai oleh China.

+Demikian jugalah seperti kata China bahawa untuk mengadakan Majlis Ekonomi Asia Pasifik tanpa penyertaan China adalah tidak logik,+ tambahnya.

Ketika diminta mengulas permintaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi mengatasi masalah banjir di negeri itu, beliau berkata, Kerajaan Pusat akan mengkaji permintaan itu.

Mengenai isu Pulau Sipadan dan Ligitan di perairan Sabah, yang turut dituntut oleh Indonesia, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia akan dirundingkan oleh kedua-dua negara dan tidak perlu dibincangkan secara terbuka. -- Bernama

♥07/06/13-14MST